

UM 23 JAN 2002
PM rasmi
Persidangan Isu
Minda Umat Melayu
Islam 29 Januari

KUALA LUMPUR 22 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam yang akan berlangsung di sini pada 29 Januari ini.

Dr. Mahathir juga dijangka menyampaikan ucapan perdana pada persidangan tiga hari anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu.

Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Abdul Rahim Abu Bakar berkata, persidangan itu direalisasikan hasil perbincangan antara beliau dengan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman baru-baru ini.

Menurut beliau, objektif utama persidangan ialah bagi mengenal pasti akar umbi atau faktor-faktor yang menutup minda umat Melayu Islam ke arah menjadikan mereka bangsa yang progresif dan dinamik.

"Ia bagi mendorong umat Melayu Islam supaya membuka minda mereka bukan saja terhadap ilmu yang berteraskan Islam malah terhadap lain-lain cabang ilmu," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Abdul Rahim berkata, persidangan itu juga merupakan penggemblengan usaha pemerintah, ulama, intelektual Islam, pertubuhan sukarela dan gerakan dakwah untuk memupuk minat umat Melayu Islam ke arah keterbukaan minda.

Sebanyak 17 kertas kerja akan dibentangkan oleh para sarjana, ilmuan dan tokoh politik termasuk dari Singapura, Thailand dan Indonesia selain tokoh tempatan. Mereka termasuklah Prof. Datuk Dr. Mahmood Zuhdi Abd. Majid, Datuk Dr. Sidik Fadzil dan Muhammad Uthman el-Muhamady.

"Persidangan ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memupuk kesedaran dan minat umat Melayu Islam tentang kepentingan penguasaan ilmu pada zaman revolusi maklumat," kata Abdul Rahim.

Katanya, keciiran umat Melayu Islam dalam era teknologi maklumat telah meninggalkan pelbagai kesan buruk sehingga menyebabkan mereka terpisah daripada ilmu yang dimajukan oleh Islam sendiri terutamanya selepas para ulama menutup pintu ijtihad.